# PUSTAKA

**Buletin PNM Bil. 3/2023**

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
September - Disember 2023
ISSN : 0128-8679




**BULAN KELUARGA KEBANGSAAN:**
**Yang Amat Berhormat Dato' Sri Anwar bin Ibrahim menerima Bingkai Gambar 3D Bangunan PNM daripada Puan Suhaila binti Abd Rahman, Pengarah Perkhidmatan Korporat, PNM.**

©Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Terbitan:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

+603-2687 1700
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMRasmi
pnmsaluransosial2

Perpustakaan Negara Malaysia
Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buletin Pustaka / Perpustakaan Negara Malaysia,
-1985 -.
- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara
Malaysia, 1985 - .Tahunan
ISSN 0128-8679
1.Libraries, National --Malaysia.
2.Corporation reports.

# Sidang Redaksi PUSTAKA Buletin PNM

**Penaung**
Puan Salasiah binti Abdul Wahab

**Ketua Editor**
Puan Suhaila binti Abd Rahman

**Editor**
Encik Rowland Arah

**Koordinator Penerbitan**
Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff
Cik Nur Amalina binti Mohamad

**Penolong Koordinator Penerbitan**
Puan Nur Amirah binti Anuar
Encik Ahmad Zaki bin Zakaria

# KANDUNGAN

| | |
|---|---|
| Program Jom Baca@Chadak di Kampung Chadak, Ulu Kinta, Perak | 7 |
| Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2023 | 11 |
| Bengkel Permukiman Penyediaan Pelan Strategik PNM | 12 |
| Lawatan Pelajar Sekolah Menengah (Pengawas Pusat Sumber) ke PNM | 13 |
| Bengkel Literasi Media dan Maklumat | 13 |
| Pertandingan Hias Citrawarna Hari Merdeka, Patriotisme PNM Peringkat Bahagian | 15 |
| Program Bicara Malaysiana, Pembentukan Masyarakat Madani: Memperkasa Perpaduan, Membangun Ketamadunan | 18 |
| Pesta Kanowit 2023 | 19 |
| Bengkel Garis Panduan Standard Penarafan Bintang Perpustakaan | 21 |
| Program Sehari Bersama Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan | 23 |
| Wacana Manuskrip Melayu Bil. 4/2023: Menyingkap Khazanah Tersembunyi di Sebalik Naskhah Manuskrip Melayu | 25 |
| Kursus Filologi dan Kodikologi Manuskrip Melayu | 27 |
| Pameran PNM sempena Festival Budaya Putrajaya 2023 | 30 |
| Program Bicara Esklusif: Perpaduan Acuan MADANI | 31 |
| Bengkel Bahasa Melayu untuk Ekspatriat Tahap Asas dan Pertengahan | 33 |
| Karnival Semarak Jawi@ Pahang | 35 |
| Mesyuarat Persediaan Persidangan CONSAL ke-19 Tahun 2025 bersama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) | 38 |
| Pertandingan Mendeklamasi Puisi: Rima Mengikat Sukma Peringkat Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 39 |
| Program Singgah Santai@PNM: Seni Melestari Perpaduan | 42 |
| Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS): Bersama Encik Hafizul Faiz Hashim, Pengasas Tentang Kita dan Seorang Penulis | 45 |
| Bengkel Literasi Media dan Maklumat Sempena Minggu Literasi Media dan Maklumat Global UNESCO | 45 |

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Majlis Pelancaran dan Tayangan Perdana Dokumentari Khas Program Kalam Karyawan Sasterawan Negara Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh | **47** |
| Pameran Sempena Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan Anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | **48** |
| Sesi Ramah Mesra Bersama Ahli Jawatankuasa Perpustakaan Desa Kampung Seberang Ramai | **49** |
| Hari Pengurusan Pengetahuan Perpustakaan Negara Malaysia dan Peluncuran VShare Versi Baharu | **50** |
| Program di Jakarta, Indonesia | **51** |
| 2nd ASEAN-ROK *Children's Reading Culture Development Committee* (AKRCC) *General Meeting and Training Program* | **52** |
| Mesyuarat Tahunan *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania* (CDNLAO) | **53** |
| Program Desir Bahasa KTM Komuter Sempena Dekad Membaca Kebangsaan | **54** |
| *Pre Council* Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM Bersama YBhg. Datuk Hajah Saraya Arbi, Pengerusi Lembaga Penasihat PNM | **55** |
| *Congress of Southeast Asian Librarians* (CONSAL) XIX bagi tahun 2025 | **56** |
| Mesyuarat PERPUN Bil. 2/2023 | **56** |
| Festival Membaca Taiwan 2023: Pameran Inisiatif Galakan Membaca PNM | **57** |
| Program Sambutan Hari Batik Malaysia 2023 (SHBM) Anjuran Kraftangan Malaysia@PUSPANITA PNM | **59** |
| Majlis Konvokesyen Perpustakaan Desa PNM Sarawak Kali ke-2 | **60** |
| *Joint Statement of ASEAN-China Strategic Partnership for Peace and Prosperity* (2021-2025) | **61** |
| Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI | **63** |
| Mesyuarat Jawatankuasa Media Sosial PNM | **66** |
| Mesyuarat Permukiman Penyediaan Pelan Strategik PNM (PSPNM) 2024-2028 | **66** |
| Sambutan Hari Kanak-Kanak 2023 anjuran Hospital Tunku Azizah | **67** |


KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Tahniah
kepada
YBHG. DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM
atas pelantikan sebagai
Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
Selamat Maju Jaya
Ikhlas daripada:
Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah &
warga Perpustakaan Negara Malaysia
NORIDAH
Kembara PERPADUAN
MALAYSIA MADANI
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnmsaluransosial2
pnm_rasmi


KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
PUAN ZUHAIDA IZWANI BINTI ZAMBRI
Tahniah
PETUGAS KAUNTER
CEMERLANG PNM
Julai - September 2023
www.pnm.gov.my


KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
MOMMI
PUAN MOMMI BINTI SARIPUDIN
Tahniah
PETUGAS KAUNTER
CEMERLANG PNM
Julai - September 2023
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnm_rasmi




# PROGRAM JOM BACA@CHADAK DI KAMPUNG CHADAK, ULU KINTA, PERAK

YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), KPN telah merasmikan Program Jom Baca@Chadak pada 3 September 2023 (Ahad) di Kampung Chadak, Ulu Kinta, Perak.

Bertemakan 'Komuniti Baca Komuniti Bijak', program PNM ini diadakan bertujuan untuk memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan komuniti Orang Asli, di samping mengeratkan hubungan silaturahim sesama masyarakat dengan memperkukuh interaksi sosial dalam komuniti. Selain itu, program ini juga bertujuan menyokong objektif Malaysia MADANI bagi masyarakat mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan melalui platform seumpama ini.

Lebih 500 orang pengunjung telah berkunjung ke program ini yang menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran agensi, sesi didik hibur, demo masakan, sukan rakyat, pemeriksaan kesihatan dan gigi sihat, pertandingan karaoke dan banyak lagi.

Semoga penganjuran program ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat khususnya masyarakat Orang Asli untuk terus memupuk budaya membaca, mengukuhkan tapak integrasi perpaduan, mencerap ilmu dan pendidikan serta memajukan diri dari segi sosio ekonomi.















KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI PERAK
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
JOM BACA@CHADAK
www.pnm.gov.my
pnmytube







KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# Koleksi Peribadi




**25 TAHUN KEMERDEKAAN**
**ASS 2467 MKP**
**Penulis/Penerbit : Abdul Samad Idris**
**Tahun : 1982**

Buku terbitan tahun 1982 ini mengandungi ucapan pemimpin-pemimpin UMNO seperti Dato' Onn bin Jaafar, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamed dan Tuanku Abdul Rahman. Buku ini juga mengandungi sejarah menuntut kemerdekaan, signifikan pemilihan tarikh 31 Ogos dan banyak lagi.



**TAUHID MERDEKA**
**MS 0726 MKP**
**Penulis/Penerbit : Abdullah al-Qari Hj. Salleh**
**Tahun : 1950**

Buku tulisan Haji Abdullah Fahim ini mengajak para pembaca untuk mendalami ilmu tauhid yang boleh diterapkan dalam mendepani cabaran kemerdekaan.

KOLEKSI NADIR DAN PERIBADI BOLEH DIRUJUK DI
KOLEKSI KHAS, PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA, ARAS 10,
MENARA PNM
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
TELEFON: 03-2682 1816 | faks: 03-2694 2490 | e-mel: prmln@pnm.gov.my


KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
PESAN BONDA
BIAR MISKIN HARTA,
JANGAN MISKIN RASA.
TAK KAYA PUN
TAK MENGAPA,
TAPI ADA TIMBANG
RASA...
MALAYSIA MADANI
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnmsaluransosial2
pnm_rasmi

# KONVENSYEN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2023

Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2023 telah diadakan pada 4 September 2023 (Isnin) bertempat di Aras 10, Menara PNM

Sebanyak lapan (8) kumpulan yang telah berentap pada konvensyen ini termasuk satu (1) kumpulan daripada Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Syabas dan tahniah buat kesemua kumpulan KIK yang bertanding dan memenangi anugerah di konvensyen ini.

- Johan – Kumpulan Scriptorium daripada Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM)
- Naib Johan – Kumpulan e-Lib daripada Perpustakaan Awam Negeri Perlis
- Tempat Ketiga – Kumpulan Optimis daripada Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN)

Semoga pelaksanaan konvensyen ini menjadi pemangkin kepada warga PNM untuk menghasilkan lebih banyak inovasi bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.




























# BENGKEL PERMUKIMAN PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Bengkel Permukiman Penyediaan Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2024 – 2028 telah berlangsung di Hotel Ibis, Melaka pada 6 – 8 September 2023.

Bengkel ini diketuai oleh Encik Conway Anak Beddie dan Encik Syed Ahmad Bashah bin Syed Anwar, Ketua Penolong Pengarah (K) Bahagian Perundingan Pengurusan 1 (BPP1), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta Encik Muhammad Baqir bin Ahmad Zuhdi Pegawai Tadbir MAMPU.

Sesi Amanat oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan taklimat Pembangunan Pelan Strategik oleh pihak MAMPU turut diadakan.



# LAWATAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH (PENGAWAS PUSAT SUMBER) KE PNM





Perpustakaan Negara Malaysia telah menyantuni 40 orang murid (Pengawas Pusat Sumber) SMK Taman Bunga Raya (1) yang datang ke PNM pada 6 September 2023 untuk tujuan lawatan bagi mendedahkan para pelajar dengan perkhidmatan PNM.





# BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

Bengkel Literasi Media dan Maklumat Anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat Wilayah Persekutuan (KEMAS) Parlimen Batu telah berlangsung pada 9 September 2023 (Sabtu), 9.00 pagi - 1.00 tengah hari di Dewan Kuartza, PKM Kampung Sri Batu.

Seramai 20 orang pelajar Sekolah Menengah Batu Muda telah menyertai bengkel ini.






UMD tv
UNIT MAJALAH & DOKUMENTARI
panorama
Manuskrip
Melayu
KHAS HARI MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2023 | ISNIN | 10.00 MALAM
PENGACARA & SUARA LATAR AIN SOFINA
PENULIS SKRIP & PENYELIDIK ROSNANI NASIR & SYAZWANI SULEIMAN JURUKAMERA KHAIRI ISMAIL
PEMBANTU JURUKAMERA MUHAMMAD IMAN ZAINURIN JURUAUDIO FAIZA HJ MUSA
SUNTINGAN AWAL & AKHIR SUFIAN ALI PENGADUN SUARA JULAIDAH EDWARD KASSIM
PEMBANTU PENERBITAN EZRINA IZKA KAMARUDIN & HAZLEEN SHAKIRA MUSTAPA
PENERBIT PENYELARAS SARIMAN ABDULLAH
PENERBIT EKSEKUTIF NAWAR HANI KAMARUDDIN
PENERBIT SYAZWANI SULEIMAN
tv1
rtm klik

# "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan,Penuhi Harapan"

# PERTANDINGAN HIAS CITRAWARNA HARI MERDEKA, PATRIOTISME PNM PERINGKAT BAHAGIAN

Pada 13 September 2023 telah berlangsung penjurian untuk Pertandingan Hias Citrawarna Hari Merdeka, Patriotisme PNM Peringkat Jabatan. Sesungguhnya, warga kerja PNM mempunyai bakat yang terpendam dengan menghasilkan pelbagai dekorasi yang kreatif dan menarik sempena Hari Kemerdekaan Negara.

Pelbagai hasil ciptaan warga PNM yang diperbuat daripada bahan kitar semula telah dipamerkan termasuk replika kereta kebal, KLCC, Tugu Negara, jet pejuang dan banyak lagi.

Semoga aktiviti seumpama ini dapat menggelorakan semangat patriotisme dalam kalangan warga kerja di samping mengukuhkan ukhuwah warga kerja PNM.










MERDEKA!
1957






MERDEKA
MALAYSIA
MENARA BERKEMBAR PETRONAS
MALAYSIA MADANI
TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN
31OGOS
1957




M 66


LENSA
MALAYSIA MADANI
MERDEKA 66


Ucapan
Hari Malaysia
MERDEKA


SALAM


66


KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Program HARI
MALAYSIA
2023
15 SEPTEMBER 2023 (Jumaat)
9.00 pagi - 12.30 tengah hari
Aras 10, Menara PNM
Perpustakaan Negara Malaysia
SIARAN LANGSUNG
PNM TV CHANNEL
Kembara PERPADUAN
MALAYSIA MADANI
TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN




# PROGRAM BICARA MALAYSIANA PEMBENTUKAN MASYARAKAT MADANI: Memperkasa Perpaduan, Membangun Ketamadunan

Program ini telah dilaksanakan secara hibrid di Aras 10, Menara PNM dan bersiaran langsung menerusi PNM TV Channel.

Program yang diadakan bersempena Sambutan Hari Malaysia ini adalah bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan memahami konsep Malaysia MADANI seperti yang dihasratkan oleh kerajaan, memberi kesedaran tentang nilai-nilai patriotisme dan kepentingan memperkasakan jati diri demi keharmonian negara, memahami kepentingan penguasaan ilmu pengetahuan serta menekankan kepada pembangunan dan kemajuan kehidupan bangsa yang seimbang.

PNM telah menampilkan dua (2) orang sosok hebat iaitu YBhg. Dato' Ismail bin Yusop, Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Komuniti), Jabatan Komunikasi Komuniti (J-Kom) berganding dengan YBrs. Prof. Dr. Haslinda binti Abdulah, Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial, UPM. Manakala Saudara Amin Idris pula selaku moderator yang telah mengendalikan bicara ini.

Puan Katrun Nada binti Haji Hashim, Pengarah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat, PNM telah menyampaikan hadiah kepada pemenang Kuiz Kemerdekaan Dalam Talian yang telah berlangsung pada 1 hingga 31 Ogos 2023. Untuk makluman, sebanyak 28,031 penyertaan daripada rakyat Malaysia telah pun menyertai kuiz ini. Selain itu, beliau juga turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Hias Citrawarna Hari Merdeka PNM Peringkat Jabatan.



# PESTA KANOWIT 2023

Pada 20 sehingga 24 September 2023, PNM telah menyertai Pesta Kanowit 2023 di Kanowit, Waterfront Sibu, Sarawak. Pesta ini yang bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang telah disempurnakan oleh YB Allan Siden Gramong, ADUN Machan pada 23 September 2023. Majlis Penangguhan telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 24 September 2023.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan di reruai PNM untuk pengunjung Pesta Kanowit antaranya:

- Pendaftaran u-Pustaka
- Putar-putar Ilmu
- Ceria Mewarna Perpaduan
- *Jigsaw Puzzle* Negaraku
- Pameran Sarawakiana
- Jualan Buku Koleksi Ho Ah Chon
















BACALAH BUKU
DI MANA SAHAJA
UTAMAKAN PENGETAHUAN
INGATLAH PUSTAKA
RHB


JOM
BACA
SECARA
PERCUMA





# BENGKEL GARIS PANDUAN STANDARD PENARAFAN BINTANG PERPUSTAKAAN



Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP), PNM telah melaksanakan Bengkel Garis Panduan Standard Penarafan Bintang Perpustakaan pada 21-22 September 2023 (Khamis-Jumaat). Objektif bengkel ini adalah untuk membangunkan satu Garis Panduan Standard Penarafan Bintang yang akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan selaras dengan pelaksanaan MyGPI (Government Performance Index) di Kementerian Perpaduan Negara. Antara penceramah yang mengajar ialah:

- NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

- AZFA NAZUHA BINTI AZIZAN

Penolong Setiausaha Kanan (Cawangan Pentadbiran)



Antara wakil-wakil yang hadir ke PNM untuk menjayakan bengkel ini terdiri daripada pegawai Perpustakaan Akademik, Perpustakaan Awam serta Perpustakaan Khusus Gunasama PNM.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# *Tahniah*




**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF**

ATAS PERLANTIKAN SEBAGAI

**KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**BERKUAT KUASA PADA 26 SEPTEMBER 2023**

Ikhlas daripada:

**Salasiah binti Abdul Wahab**
Ketua Pengarah &
warga Perpustakaan Negara Malaysia

Kembara PERPADUAN
MALAYSIA MADANI

www.pnm.gov.my | PerpustakaanNegaraMalaysia | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnmytube | PNMrasmi | pnmsaluransosial2 | pnm_rasmi

Kembara PERPADUAN
MALAYSIA MADANI
PerpustakaanNegaraMalaysia | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnmytube | PNMrasmi | pnmsaluransosial




# PROGRAM SEHARI BERSAMA ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENGLIHATAN

Program Sehari Bersama Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan, dengan kerjasama Persatuan Orang-orang Buta Islam Malaysia (PERTIS) telah diadakan pada 25 September 2023 di Perpustakaan Negara Malaysia, dan dirasmikan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif PNM untuk memperkaya perkhidmatan kepada rakyat Malaysia. PNM menyediakan pelbagai aktiviti dan perkhidmatan rujukan inklusif kepada OKU Penglihatan dan ketidakupayaan cetakan dengan memperkaya koleksi bagi mereka.

Ini sejajar dengan Pelan Strategik PNM 2019-2023 untuk meningkatkan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat selain menyebarkan peranan PNM sebagai Entiti Diberi Kuasa di bawah Triti Marrakesh.



Disamping itu, program ini juga bertujuan untuk menggalakkan kerjasama antara NGO dan Persatuan OKU dengan PNM, terutamanya dalam aktiviti yang berkaitan dengan golongan OKU penglihatan dan ketidakupayaan cetakan. Semua usaha ini bertujuan untuk meningkatkan koleksi, infrastruktur, dan kemudahan inklusif bagi perkhidmatan perpustakaan di Malaysia secara umumnya.



Program selama sehari ini telah diisi dengan acara menarik seperti Pertandingan Membaca Braille Bahasa Melayu yang telah disertai oleh enam (6) peserta OKU Penglihatan yang terdiri daripada para peserta daripada Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).

Barisan peserta dari PERTIS adalah:

- Cik Siti Salihah binti Adnan.
- Cik Nurshamiza Alya binti Abdullah.
- Encik Abdul Ghafar bin Zubardi.
- Encik Abyan bin Jambut.
- Cik Alya Maisarah Ong binti Abdullah
- Cik Lele Suyarni binti Omar.

Selain itu, satu sesi Bual Bicara turut diadakan yang menampilkan tiga (3) orang panel OKU yang membincangkan tajuk "Peranan Masyarakat Dalam Memperkasa OKU Penglihatan Ke Arah Masyarakat Berinformasi" iaitu:

- Pn. Noorhidayah binti Mohd Yusoff
  (Pembantu Tadbir Penerbitan di Persatuan Orang-Orang Cacat Islam Malaysia (PERTIS) cawangan Brickfields
- En. Abdul Majid bin Mohd Yusoff
  (Editor buku-buku Braille Islamik)
- En. Muhamad Firdaus bin Hairi
  (Penulis dan Penyemak Al-Quran Braille Mushaf Malaysia)

En. Tamimi bin Haji Taib, Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Elektronik, PNM telah bertindak sebagai pemudahcara sepanjang sesi ini berlangsung. Ketiga-tiga panel masing-masing berkongsi ilmu dan pengalaman mereka dalam menjalani kehidupan sebagai OKU Penglihatan.

Seramai 120 orang telah hadir secara bersemuka manakala 64 orang telah hadir secara maya melalui PNM TV Channel. Inisiatif program seumpama ini dapat melahirkan peserta yang mampu menyokong pembinaan sebuah negara bangsa dengan mengetahui dan memahami keperluan dan sistem sokongan meliputi aspek komunikasi efektif bersama OKU.

## "Memahami Ketidakupayaan Asas Perkhidmatan Perpustakaan Inklusif"

Selain itu, ia juga dapat mempertingkatkan pemikiran positif para peserta sebagai penyokong kepada komuniti OKU dalam usaha untuk mewujudkan sistem sokongan dan perkhidmatan yang bersifat mesra OKU. Pada sebelah petang, sejurus selepas Majlis Perasmian, program ini telah diisi dengan sesi ceramah: "Memahami Ketidakupayaan Asas Perkhidmatan Perpustakaan Inklusif" yang disampaikan oleh En. Mohd Hafiz bin Halim (Juru Latih Latihan Kesaksamaan Ketidakupayaan (Disability Equality Traning Trainer) yang mengupas kepentingan hak kemudahan dan prasarana asas bagi keperluan golongan OKU Penglihatan dan ketidakupayaan cetakan.








# WACANA MANUSKRIP MELAYU BIL. 4/2023: Menyingkap Khazanah Tersembunyi di Sebalik Naskhah Manuskrip Melayu

Wacana Manuskrip Melayu Bil. 4 bagi tahun 2023 dengan tema "Menyingkap Khazanah Tersembunyi: Kodikologi Jawi Pengkajian dalam Manuskrip Melayu" anjuran Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan pada 26 September 2023 di Aras 10, Menara PNM. Program ini turut disiarkan secara dalam talian melalui saluran PNM TV Channel.



Objektif wacana ini adalah untuk memberi pendedahan kepada orang awam atau penyelidik mengenai kepentingan ilmu kodikologi dalam pengkajian manuskrip Melayu; menggalakkan kajian dan penyelidikan manuskrip Melayu; dan meningkatkan kecintaan, penghayatan dan apresiasi masyarakat terhadap pemahaman yang lebih meluas tentang sejarah dan tamadun Melayu.

Menerusi program ini, YBrs. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif, Profesor Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menyampaikan ceramah mengenai kepentingan subbidang ilmu kodikologi dalam pengkajian Manuskrip Melayu. Kodikologi merupakan ilmu yang menekankan kajian manuskrip dari aspek fizikal dan antara aspek yang dikaji ialah bahan penulisan, kertas, dakwat, pena, hiasan, jilidan dan sebagainya. Turut menghiasi pengisian wacana ini adalah Pameran Ilmu Kodikologi Manuskrip Melayu yang mempamerkan beberapa manuskrip menarik yang dimiliki oleh PNM.






Program ini telah berjaya menghimpunkan seramai 120 orang peserta secara fizikal dan turut ditonton oleh seramai 280 penonton secara dalam talian. Antara penonton yang hadir secara bersemuka adalah penjawat awam daripada Jabatan/Agensi sekitar Kuala Lumpur, para penuntut dari Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa, Lembah Pantai, para pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Titiwangsa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Titiwangsa serta kakitangan PNM.




PNM percaya, dengan pendedahan awal kepada generasi muda terhadap ilmu kodikologi manuskrip Melayu ini, masyarakat Malaysia yang mempunyai jati diri yang tinggi dan mengamalkan budaya nilai tinggi dapat dibentuk. Sehingga kini, PNM menerusi PKMM mempunyai sebanyak 5,205 naskhah koleksi manuskrip Melayu yang tersedia untuk dirujuk dan dikaji.





# KURSUS FILOLOGI DAN KODIKOLOGI MANUSKRIP MELAYU



Kursus Filologi dan Kodikologi Manuskrip Melayu yang berlangsung selama dua (2) hari telah disertai oleh pelbagai latar belakang peserta dan mereka telah mendapat bimbingan daripada penceramah, Ts. Dr. Ros Mahwati binti Ahmad Zakaria, Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu dengan bantuan fasilitator, En. Ahmad Bazri bin Mokhtar dari Institut Alam & Tamadun Alam Melayu (ATMA) UKM.

Objektif kursus ini adalah:

- Memperkenalkan ilmu filologi dan kajian manuskrip Melayu.
- Meneliti aspek kodikologi dalam manuskrip Melayu.
- Menghuraikan kaedah penelitian yang sesuai bagi manuskrip Melayu.
- Menerangkan kaedah transliterasi yang digunakan.



Semoga penerokaan terhadap naskhah manuskrip Melayu dapat dimanfaatkan dan seterusnya meningkatkan kesedaran bahawa sumber ilmu itu datang dari pelbagai cara.




KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Selamat Menyambut
Maulidur Rasul
"Perpaduan Teras Malaysia Madani"
12 Rabiulawal 1445H / 28 September 2023M
Ikhlas daripada:
Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
dan seluruh warga
Perpustakaan Negara Malaysia
Kembara PERPADUAN
MALAYSIA MADANI
KENAL UNTUK CINTA
BIOGRAFI LENGKAP RASULULLAH
1000 SOAL-JAWAB SIRAH NABI S.A.W
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnmsaluransosial2
pnm_rasmi


Siri Pintar e-LMM
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
OBJEKTIF
PORTAL e-LMM??
Membolehkan Program Literasi Media dan Maklumat yang sebelum ini dikendalikan secara fizikal oleh Perpustakaan Negara Malaysia boleh diakses secara dalam talian melalui platform Sistem Pembelajaran Kendiri LMM (e-LMM).
Dijadikan sebagai satu platform pendidikan LMM yang komprehensif serta memudahkan pembelajaran Literasi Media dan Maklumat.
Akses pembelajaran Literasi Media dan Maklumat yang lebih meluas dalam kalangan masyarakat Malaysia tanpa batasan masa dan lokasi.
4:26
4G
eLMM
LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT
Adakah Anda
TAHU FUNGSI
Maklumat
Daftar masuk untuk maklumat lanjut.
elmm.pnm.gov.my
Kembara PERPADUAN
URL : https://elmm.pnm.gov.my
MALAYSIA MADANI
NILA
eLMM
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnmsaluransosial2
pnm_rasmi



# PAMERAN PNM SEMPENA FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2023




Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengadakan pameran perkhidmatan dan produk PNM sempena Festival Budaya Putrajaya pada 28 September hingga 1 Oktober 2023 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya. Aktiviti pameran ini termasuklah pameran manuskrip Melayu yang menampilkan empat (4) naskhah manuskrip Melayu serta maklumat mengenai kodikologi Melayu, pameran Perpustakaan Keluarga, jualan buku terbitan PNM, aktiviti mewarna, susun suai gambar Jawi dan permainan congkak.

Sepanjang pameran berlangsung, seramai 952 orang telah mengunjungi reruai pameran PNM dan sebanyak 27 naskhah buku terbitan PNM telah terjual yang menghasilkan pendapatan berjumlah RM1,278.80.




Festival Budaya Putrajaya 2023 ini adalah program anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 30 September 2023, jam 9.00 malam.

# PROGRAM BICARA ESKLUSIF: Perpaduan Acuan MADANI




YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin, Pengarah Pengasas, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia telah berkongsi dengan khalayak dalam Program Bicara Eksekutif: Perpaduan Acuan MADANI secara hibrid di Aras 10, Menara PNM dan siaran langsung menerusi PNM TV Channel.

Bicara Eksekutif dengan bertemakan Perpaduan Acuan MADANI ini sangat relevan dan bertepatan dengan misi MADANI yang menekankan acuan perpaduan sebagai pemacu kepada kemakmuran negara.






Turut hadir memeriahkan program hari ini ialah YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM mewakili KP PNM serta Pegawai-Pegawai Kanan KPN, PNM dan agensi di bawah PNM.

PNM berharap dengan penganjuran program sebegini dapat memberi impak yang signifikan kepada masyarakat di mana isu perpaduan adalah isu yang dekat serta masih relevan dalam kalangan masyarakat. Melalui penganjuran program ini, PNM berkesempatan mempromosi koleksi bidang berkaitan untuk diketengahkan bagi menyemarak budaya membaca.




KELUAR


ESI SOAL JAW




KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA




KELUAR






OKTOBER
2023 (SELASA)
(UKM)






# BENGKEL BAHASA MELAYU UNTUK EKSPATRIAT TAHAP ASAS DAN PERTENGAHAN



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menerusi Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) telah menganjurkan Bengkel Bahasa Melayu Untuk Ekspatriat yang diadakan di Aras 10, Menara PNM pada pada 7 Oktober 2023 (Sabtu) bersempena dengan Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan.

PNM yang berperanan sebagai pusat penyebaran ilmu dan maklumat melaksanakan program ini khususnya kepada warganegara asing untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Melayu.



Penganjuran bengkel kali ini disertai seramai 12 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil kedutaan yang terlibat seperti:

- *High Commission of Sri Lanka (H.E. AIR CHIEF MARSHAL SUMANGALA DIAS)*
- *Embassy of the Hashemite Kingdom of Jordan*
- *High Commission of the Federal Republic of Nigeria*
- *Embassy of Argentina*
- *High Commission of Zambia*
- *Embassy of the Lao People's Democratic Republic*
- *Uganda High Commission*
- *Embassy of the Republic of Zimbabwe*
- *Embassy of Romania*

Bengkel ini dikendalikan oleh Tuan Abd Karim bin A.Bakar, Munsyi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Menerusi bengkel ini, peserta dapat mempelajari perkara asas dan pertengahan seperti mengenal huruf dan sebutan, nombor, waktu, hari dan bulan, serta kenali diri dan keluarga. Peserta juga turut diajar kemahiran berinteraksi dalam pelbagai jenis perbualan harian yang mudah seperti sapaan, pekerjaan, hobi, objek dan persekitaran, perbualan di telefon, tempat awam dan sebagainya.












# Karnival Semarak Jawi@ Pahang



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan Karnival Semarak Jawi dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang bertempat di Kuantan Parade, Pahang. Program ini diadakan bertujuan untuk mendekatkan masyarakat daripada pelbagai golongan dengan budaya penulisan dan pembacaan tulisan Jawi yang kian dilupakan. Selain itu, program ini turut mendedahkan masyarakat kepada teknik dan inovasi terkini tulisan Jawi, menarik minat masyarakat kepada seni dan budaya tulisan Jawi serta memartabatkan tulisan Jawi dan seni khat sebagai khazanah intelektual warisan bangsa yang perlu dipelihara dan dipertahankan. Di samping itu, karnival ini juga bertujuan untuk memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan komuniti setempat.

Turut hadir bersama-sama memeriahkan program tersebut ialah YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM, pegawai-pegawai Kanan KPN, PNM dan agensi di bawah KPN, pegawai-pegawai Kanan serta kakitangan MUIP, Anak-anak syarikat MUIP dan pegawai di jabatan/agensi di Pahang.














Antara pengisian program ialah:

- Bengkel Klinik Jawi
- Pertandingan Pantas Jawi
- Warna Jawi Kreatif
- Eja Jawi
- Khat Jawi
- Kraf Kreatif Jawi
- Jejak Maklumat
- Roda Impian
- Bicara Jawi
- Forum Agama
- Pameran Khat
- Jawi Klasik
- Pameran Manuskrip Jawi
- Penulisan Khutbah


















تيما: كڤنتيڠن عقل فيكيرن

ڤوكوق كمبوجا بربوڠا تيدق

داءونڽ كوكور ڤاته رنتيڠ

توا سهاج عقلڽ بودق

اڤابيلا دتكور ماره ملنتيڠ

سايور كلادي كوريڠ ڤريا

كولاي كدرا الو٢

عقل بودي اورڠ چندكيا

سبلوم بيچارا برفيكير دهولو

سومبر: ڤنتون ڤق نازل: 101 ڤركارا



# Mesyuarat Persediaan Persidangan CONSAL ke-19 Tahun 2025 bersama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)

YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia telah mempengerusikan Mesyuarat Persediaan Persidangan CONSAL ke-19 Tahun 2025 bersama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) yg diwakili oleh YBrs. Dr. Ghazali bin Mohamed Fadzil, Presiden PPM, Ahli Majlis PPM dan Ahli Jawatankuasa Perhubungan Serantau dan Antarabangsa (JKPSA) PPM.








Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan berkaitan:

- Keahlian CONSAL *Executive Board*,
- Keahlian Jawatankuasa Induk,
- Keahlian Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Jawatankuasa Kecil,
- Tarikh dan tempat Persidangan CONSAL Ke-19 Tahun 2025,
- Tarikh dan tempat Mesyuarat CONSAL *Executive Board*,
- Peruntukan; dan
- Anggaran Perbelanjaan dan Pendapatan.









# PERTANDINGAN MENDEKLAMASI PUISI: Rima Mengikat Sukma Peringkat Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur





Puisi merupakan satu karya sastera yang semakin digemari dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda. Puisi juga dilihat sebagai cerminan bangsa dan menjadi faktor penting dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang cintakan negara

Justeru, puisi diangkat sebagai salah satu elemen penyatupaduan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, kaum dan agama. Ini kerana puisi merupakan platfom budaya dan sastera yang seringkali digunakan untuk menzahirkan isi hati berbentuk puitis dengan keindahan bahasa yang menyentuh isu-isu semasa yang berlaku di sekeliling kita.

Aku tidak percaya bumi dan langit tak bakal
luka, dan kelukaan tak bakal sembuh;
Aku percaya kita dapat berdiri penuh bangga,
Berasa megah dan gagah oleh suara sendiri.
Berasa bertambah kukuh dan bererti oleh
iklim dan semangat penuh maruah.

- Di Tangga Masjid Ini oleh A. Samad Said.



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengangkat puisi sebagai elemen dalam memupuk perpaduan. Di samping itu, satu usaha tuntas yang bukan sahaja memelihara cabang kesusasteraan malahan berupaya mempromosi puisi sebagai alat perpaduan dan silaturahim dalam keluarga MADANI.

Hasrat ini telah diterjemahkan melalui usaha yang dimanifestasikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menerusi program Sanggar Puisi 2023: Rima Mengikat Sukma yang telah diadakan pada 17 Oktober 2023 dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Program ini menyokong agenda inisiatif 'Ini Warisan Kita – Melestarikan Perpaduan' di bawah KPN.

Pelbagai aktiviti berpaksikan puisi telah diadakan bagi menyokong program ini. Antaranya Pertandingan Mendeklamasi Puisi 2023 Peringkat Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menyaksikan penyertaan seramai 36 peserta daripada 30 buah sekolah menengah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini diikuti dengan Bengkel Penulisan Puisi Perpaduan yang telah dihadiri oleh 60 orang peserta yang terdiri daripada pelajar universiti awam dan swasta, petugas Perpustakaan Desa sekitar Selangor dan Negeri Sembilan serta kakitangan kerajaan.



Majlis ini turut diserikan dengan Deklamasi Puisi oleh enam (6) orang Sasterawan Negara dan pemuisi tanah air iaitu YBhg. SN Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh, YBhg. SN Dato' Rahman Shaari, YBhg. Datuk Profesor Dr. Lim Swee Tin, YBrs. Dr. Raja Rajeswari Seetha Raman, Encik Zainal Abidin Suhaili (Sarawak) dan Puan Dayangku Siti Afizah binti Abdul Latif (Sabah).

Bersempena program ini turut diadakan Pameran Sanggar Puisi: Rima Mengikat Sukma dengan mengangkat tema yang mengetengahkan pelbagai bentuk puisi menerusi koleksi manuskrip Melayu, Koleksi Khas dan bahan monograf Malaysiana, PNM. Pengunjung pameran ini dibawa menelusuri evolusi kesusasteraan Melayu khususnya seni puisi yang dikelompokkan kepada segmen puisi tradisional dan segmen puisi moden.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SINGGAH SANTAI @PNM 2023

*"Seni Melestari Perpaduan"*

#relakslahdulu
Singgah Santai @PNM
Perpustakaan Negara Malaysia

dirasmikan oleh :

**YBRS. PUAN SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB**
**KETUA PENGARAH**
**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**




*pada*

**21 OKTOBER 2023 (SABTU)**
**ARAS 10, MENARA PNM**

Untuk maklumat lanjut, hubungi:
03-2687 1838 / 1711 / 1713 (Urus Setia) pinjaman@pnm.gov.my

Kembara PERPADUAN
MALAYSIA MADANI




# PROGRAM SINGGAH SANTAI@PNM :

## Seni Melestari Perpaduan



Program Singgah Santai@PNM tahun ini merupakan penganjuran kali yang ke-20 dengan mengangkat tema ‘Seni Melestari Perpaduan’ yang sangat signifikan dengan tema ‘Perpaduan Dalam Kepelbagaian’ dan ‘Ini Warisan Kita’ yang disemarakkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN).



Program ini diadakan bertujuan menarik minat masyarakat untuk berkunjung ke perpustakaan dan sekaligus dapat merapatkan lagi hubungan antara perpustakaan dengan komuniti setempat bagi mewujudkan generasi yang membaca dan celik ilmu.

Selain itu, Program Singgah Santai@PNM ini turut bertujuan mempromosikan perkhidmatan dan program PNM kepada masyarakat melalui konsep yang menarik dengan pelbagai pengisian aktiviti.



Pelbagai aktiviti turut diadakan iaitu, *Pound Fit*, Bicara Santai, Pameran Agensi, Pertandingan dan Permainan Tradisional untuk golongan Kanak-kanak & Dewasa, Demonstrasi Masakan, Gerai Jualan, B*ig Bubbles, Petting Zoo, Soopa Doopa* dan banyak lagi.




















PERKARANGAN PNM


























Mobile Library

# PROGRAM BACAAN KEGEMARAN SAYA (BKS):

## Bersama Encik Hafizul Faiz Hashim, Pengasas Tentang Kita dan seorang penulis

Beliau telah membicarakan kandungan yang menarik dalam buku kegemaran beliau iaitu buku "Tasawuf Moden Karya Hamka"

Antara kata-kata beliau yang menarik perhatian ketika menjawab soalan penonton maya adalah "Membaca buku jangan cari buku yang memandaikan kita, tapi carilah buku yang boleh menegur kita"

Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) ini diadakan pada 24 Oktober 2023, 11.00 pagi.







# BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT:

## Sempena Minggu Literasi Media dan Maklumat Global UNESCO

Gambar sekitar Bengkel Literasi Media dan Maklumat sempena Minggu Literasi Media dan Maklumat Global UNESCO pada 31 Oktober 2024. Bengkel ini dihadiri oleh kakitangan lantikan baharu, Perpustakaan Negara Malaysia.







KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# Tahniah!




Tahniah kepada tiga (3) Pustakawan yang telah ditauliahkan sebagai Jurulatih Bertauliah *Digital Government Competency and Capability Readiness* (DGCCR CT) 2.0 oleh Institusi Tadbiran Awam Negara (INTAN) iaitu,

- **Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff, Perpustakaan Negara Malaysia.**
- **Puan Beghum Ulfhat Shehnaaz Amir Razli, Perpustakaan Politeknik Shah Alam**
- **Puan Norazlin binti Naseri, Perpustakaan Kementerian Pertahanan.**

Majlis pentauliahan telah disempurnakan oleh Pengarah INTAN, YBhg. Datuk Dr. Alaudin bin Sidal pada 31 Oktober 2023 di Dewan Damar Sari, Kompleks F8, Purtrajaya.

DGCCR merupakan inisiatif kerajaan yang bertujuan membangunkan kompetensi dan keupayaan digital penjawat awam pada setiap peringkat serta peranan dalam usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan digital kepada rakyat sejajar dengan era ledakan digital dan perkembangan Revolusi Industri Keempat (IR4.0). Inisiatif DGCCR ini juga selaras dengan agenda di dalam Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) yang diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Bermula tahun 2020 sehingga kini, seramai 251 orang DGCCR CT telah berjaya ditauliahkan oleh INTAN.

# MAJLIS PELANCARAN DAN TAYANGAN PERDANA DOKUMENTARI KHAS PROGRAM KALAM KARYAWAN SASTERAWAN NEGARA PROF. EMERITUS DR. MUHAMMAD HAJI SALLEH












Majlis Pelancaran dan Tayangan Perdana Dokumentari Khas Program Kalam Karyawan Sasterawan Negara Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) pada 30 Oktober 2023 (Isnin). Majlis ini dilaksanakan secara hibrid di Aras 10, Menara PNM dan bersiaran langsung di PNM TV Channel.

Program Kalam Karyawan merupakan salah satu signature program yang dilaksanakan secara tahunan untuk mengetengahkan warisan kesusasteraan negara di mana tokoh-tokoh yang terlibat menjayakan program ini dipilih dalam kalangan Sasterawan Negara yang banyak berbakti kepada kemajuan bidang kesusasteraan dan kebudayaan di Malaysia.

Pada majlis ini juga, Puan Norihan binti Mohamed Naim telah menyampaikan hadiah untuk pemenang Pertandingan Baca Naskhah Sasterawan Negara untuk kategori sekolah rendah dan sekolah menengah di Wilayah Persekutuan yang telah dianjurkan oleh PNM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).





# PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN ANJURAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah turut mengadakan pameran sempena Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Program yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia berlangsung selama dua (2) hari bermula 4 hingga 5 November 2023.






Yang Amat Berhormat Dato' Sri Anwar bin Ibrahim telah berkesempatan melawat reruai PNM untuk melihat dan beramah mesra dengan pengunjung dan petugas yang berada di reruai PNM.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan di reruai PNM antaranya roda ilmu, teka silang kata Jawi, pendaftaran keahlian PNM dan u-Pustaka serta pelbagai jualan/aktiviti/pameran oleh agensi-agensi lain yang turut serta sepanjang karnival ini.



# SESI RAMAH MESRA BERSAMA AHLI JAWATANKUASA PERPUSTAKAAN DESA KG. SEBERANG RAMAI





YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah berkesempatan hadir ke Sesi Ramah Mesra Bersama Ahli Jawatankuasa Perpustakaan Desa Kg. Seberang Ramai di Perpustakaan Desa Kg. Seberang Ramai sempena lawatan kerja rasmi beliau ke Perlis pada 4 November 2023.

Datuk Azman turut menyantuni pengunjung-pengunjung perpustakaan yang menjalankan aktiviti sepanjang hari. Turut hadir YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM bersama pegawai-pegawai Kanan KPN, PNM dan Encik Rahim bin Husin, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.






Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah demostrasi masakan warisan oleh kaum wanita, pameran Bas Bergerak *Mobile Robotic Makerspace: 3D Touch* dan lawatan Menyelusuri Bait-Bait Puisi di Kg. Warna-Warni dengan menaiki *Buggy* bermotor.

# HARI PENGURUSAN PENGETAHUAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DAN PELUNCURAN VSHARE VERSI BAHARU




Sambutan Hari Pengurusan Pengetahuan Perpustakaan Negara Malaysia dan Peluncuran VShare Versi Baharu telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 15 November 2023 (Rabu).

Sambutan ini turut diisi dengan sesi perkongsian ilmu bertajuk 'How to Sustain Knowledge Management in The Organisation?' oleh Encik Arief Amron bin Ariffin, Timbalan Pengurus Besar, Jabatan Pengurusan Pengetahuan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.













# PROGRAM DI JAKARTA, INDONESIA

Tahniah diucapkan kepada Puan Siti Suzani binti Mohamed Taib, Timbalan Pengarah (K), Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) dan Puan Hasnida binti Jakeria, Timbalan Pengarah, Bahagian Pinjaman (BPjm) yang telah mewakili Malaysia dan PNM ke “Conveying the Program of South-South and Triangular Cooperation (KSTT): The Knowledge Sharing Program on Social Inclusion Based Library Transformation (SILT)" di Jakarta, Indonesia bermula pada 12-18 November 2023.

Program ini merupakan kerjasama beberapa agensi kerajaan Indonesia termasuk Perpustakaan Nasional Indonesia di bawah tajaan *Colombo Plan*. Ia diadakan bertujuan untuk bertukar pengetahuan antara Indonesia dengan negara-negara Colombo Plan (Bangladesh, India, Lao PDR, Myanmar, Malaysia, Nepal, Pakistan, the Philipines, Sri Lanka & Vietnam) dan untuk transformasi perpustakaan awam menjadi ruang inklusif bagi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat.

Turut menyertai program ini adalah negara tuan rumah Indonesia.







# 2ND ASEAN-ROK CHILDREN'S READING CULTURE DEVELOPMENT COMMITTEE (AKRCC) GENERAL MEETING AND TRAINING PROGRAM






2nd *ASEAN-ROK Children's Reading Culture Development Committee (AKRCC) General Meeting and Training Program* telah dijalankan pada 15 hingga 31 Oktober 2023 bertempat di *National Library for Children and Young Adults (NCLY) di Seoul, Korea.*

Tiga (3) orang wakil dari Malaysia iaitu Encik Yazid Ibrahim, Timbalan Pengarah Bahagian Gerakan Literasi Maklumat PNM, Puan Rohaizah binti Mohd Rafee, Penolong Pengarah (K) Bahagian Pinjaman PNM dan Puan Haizatul Afni binti Bakhtiar, Penolong Pustakawan Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah menyertai program ini bersama-sama negara peserta lain iaitu negara Brunei, Cambodia, Indonesia, Loas, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Korea.





Objektif program ini adalah untuk mewujudkan solidariti dalam kalangan negara peserta terlibat berkaitan pembangunan budaya membaca kepada kanak-kanak dan remaja, sebagai platform latihan kepada pustakawan melalui perkongsian amalan-amalan terbaik dan inovasi dalam tadbir urus serta pelaksanaan pembudayaan membaca dalam kalangan masyarakat terutama golongan kanak-kanak & remaja di antara negara - negara peserta.

# Mesyuarat Tahunan *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania* (CDNLAO)




YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM telah menghadiri Mesyuarat Tahunan bagi *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania* (CDNLAO) di *Qatar National Library.* Mesyuarat yang bertemakan "Collect and Engage: National Libraries and their Collections" telah berlangsung mulai 1 hingga 2 November 2023 dan diadakan secara hibrid.




Mesyuarat ini diadakan pada setiap tahun bagi membincangkan isu-isu perpustakaan yang menjadi kepentingan bersama selain menggalakkan perkongsian sumber dan maklumat dalam rantau Asia Pasifik. Mesyuarat kali ini telah dihadiri oleh seramai 55 orang perwakilan yang terdiri daripada 26 buah negara.








# PROGRAM DESIR BAHASA KTM KOMUTER SEMPENA DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN





















Program ini dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama KTM Berhad dan Majlis Bahasa Cina Malaysia (MCLC). Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hazami bin Jahari, Ketua Pengarah DBP. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut diundang untuk mengadakan aktiviti galakan membaca di dalam kereta api bermula dari stesen Kuala Lumpur hingga ke stesen Sungai Gadut, Negeri Sembilan. Program ini disertai oleh pelajar sekolah rendah sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang perjalanan kereta api adalah seronoknya mengeja, teka silang kata perpaduan, kuiz celik maklumat, bacaan santai, pendaftaran keahlian u-Pustaka dan nyanyian beramai-ramai lagu Budaya Membaca.

Program kemudiannya diteruskan ke SJK (T) Ladang Senawang. Sambutan yang luar biasa telah diberikan oleh sekolah tersebut dan pelbagai aktiviti juga turut diadakan.

# Pre Council Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM bersama YBhg. Datuk Hajah Saraya Arbi, Pengerusi Lembaga Penasihat PNM



YBrs. Puan Salasiah, Ketua Pengarah PNM, Pengarah Perkhidmatan Korporat PNM, Timbalan Pengarah Kanan BPPD, Timbalan Pengarah Kanan, BPSA dan Timbalan Pengarah Kanan PRMLN telah hadir ke mesyuarat ini yg diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga, Aras 15, Menara PNM pada 19 Oktober 2023.





# CONGRESS OF SOUTHEAST ASIAN LIBRARIANS (CONSAL) XIX BAGI TAHUN 2025

Malaysia selaku tuan rumah *Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) XIX* bagi tahun 2025 telah mengadakan *1st Executive Board Meeting of Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) XIX* secara dalam talian pada 29 November 2023 (Rabu) yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Ghazali bin Mohamed Fadzil, Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia merangkap Pengerusi CONSAL Executive Board (Malaysia).

Malaysia turut dihadiri oleh Puan Suhaila binti Abd Rahman, Pengarah Perkhidmatan Korporat yang mewakili YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM dan Encik Wan Mazli bin Wan Razali selaku Setiausaha CONSAL Executive Board (Malaysia).

Selain Malaysia, mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ahli Lembaga Eksekutif *Congress of Southeast Asian Librarians* - CONSAL daripada lima (5) negara lain iaitu Indonesia, Kemboja, Myanmar, Thailand dan Vietnam.

Objektif mesyuarat adalah untuk bertukar pandangan dan berkongsi amalan terbaik dalam pembangunan sektor perpustakaan antara Negara ASEAN. Objektif lain yang ingin dicapai adalah meneroka peluang kerjasama khususnya dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat serta pelaksanaan Persidangan CONSAL ke-19 pada tahun 2025.



# MESYUARAT PERPUN BIL. 2/2023

Mesyuarat PERPUN Bil. 2/2023 telah diadakan di PNM pada 30 November 2023 (Khamis) dan dipengerusikan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM.

Mesyuarat ini menjadi platform bagi PNM dan sektor Perpustakaan Universiti berkongsi amalan terbaik yang telah berjaya dilaksanakan selain menjadi medan musyawarah bagi mencapai kesefahaman yang membawa manfaat kepada bidang perpustakaan di Malaysia.

Semoga kerjasama dan inisiatif antara PNM dan sektor Perpustakaan Universiti dapat diperkukuh untuk keberkesanan hala tuju 2024 dan tahun-tahun seterusnya.





# FESTIVAL MEMBACA TAIWAN 2023 MENAMPILKAN PAMERAN INISIATIF GALAKAN MEMBACA PNM




## Inisiatif Program Galakan Membaca dipromosikan di Taiwan.

Festival Membaca Taiwan anjuran *National Central Library*, Taiwan merupakan acara tahunan yang diadakan setiap hari Sabtu dan Ahad minggu pertama pada bulan Disember setiap tahun. Festival ini menampilkan pelbagai inisiatif galakan membaca yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan, swasta dan juga industri perbukuan Taiwan.




Objektif utama festival ini adalah untuk menggalakkan masyarakat Taiwan terus mengamalkan budaya membaca dan menjadikan buku sebagai teman pembelajaran sepanjang hayat.

Pada tahun 2023, festival ini telah diadakan pada 2 dan 3 Disember di Chiang Kai-shek Memorial Park, Taipei, Taiwan. Uniknya, Festival Membaca Taiwan kali ini turut menampilkan pameran inisiatif galakan membaca yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Dua (2) orang kakitangan PNM telah dijemput bersama-sama dalam festival yang berlangsung selama dua (2) hari ini iaitu:

1. **Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff**
   **Penolong Pengarah Kanan Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan (BRSP)**

2. **Encik Mohd Jeffri bin Abu Hassan Vadival**
   **Penolong Pengarah Bahagian Gerakan Literasi Maklumat (BGLM)**

Reruai pameran PNM turut dibantu oleh seorang sukerelawan secara tetap sepanjang dua (2) hari festival berlangsung iaitu Cik Elina. Dalam festival ini, PNM telah menampilkan tiga (3) pameran inisiatif galakan membaca iaitu maklumat pelaksanaan portal Literasi Media dan Maklumat, Kios Digital@PNM dan pameran maklumat manuskrip Melayu Hikayat Hang Tuah serta Cerita Panji.

Turut diadakan adalah aktiviti tulisan Jawi, edaran risalah berkaitan perkhidmatan PNM, risalah pelancongan Malaysia dan kuiz berkaitan aktiviti serta pameran PNM. Seramai 1,244 orang pengunjung telah berkunjung ke reruai PNM sepanjang festival berlangsung.

Selain Malaysia, negara-negara yang turut dijemput mengadakan pameran dan aktiviti dalam festival ini termasuklah Singapura, Vietnam, Filipina, Columbia, U.A.E dan USA. Festival Membaca Taiwan 2023 telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Taiwan, YBhg. Lin Ming-yu.








# PROGRAM SAMBUTAN HARI BATIK MALAYSIA 2023 (SHBM) ANJURAN KRAFTANGAN MALAYSIA@ PUSPANITA PNM

Tiga (3) kumpulan daripada PUSPANITA PNM telah menyertai *Batik Treasure Hunt* Sempena Program Sambutan Hari Batik Malaysia 2023 (SHBM) anjuran Kraftangan Malaysia pada 2 Disember 2023.

Setiap kumpulan perlu menyelesaikan 7 tugasan iaitu *Jail Break, Batik Drawing, KL Walk Hunt,* Kuiz Batik, Swafoto, Blok batik, *Crossword* Batik dan menghasilkan gelang daripada batik. *Treasure hunt* ini bermula dengan *flag off* di Kompleks Kraf, KL diteruskan dengan aktiviti di Jalan Bukit Bintang, Muzium Tekstil dan tugasan terakhir di Muzium Kraf, KL.

Semua peserta berasa teruja untuk mewarna batik dan blok batik dan keseronokan peserta berganda apabila mereka dapat membawa pulang sehelai batik dan hasil mewarna batik masing-masing.






















# MAJLIS KONVOKESYEN PERPUSTAKAAN DESA (PD) PNM SARAWAK KALI KE-2

BERTEMPAT DI HOTEL GRAND CONTINENTAL KUCHING, SARAWAK

YBrs. Puan Salasiah Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM telah menyempurnakan Majlis Konvokesyen Perpustakaan Desa (PD) PNM Sarawak Kali ke-2 pada 4 Disember 2023 (Isnin) bertempat di Hotel Grand Continental Kuching, Sarawak. Majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada 60 orang peserta Kelas Dewasa dari PD Kg. Hulu Meludam, PD Beladin dan PD Kg. Sepinang yang telah berjaya menyertai kelas ini.

Peserta Kelas Dewasa ini terdiri dari mereka yang berumur 40 tahun dan yang paling tua berumur 87 tahun. Objektif Kelas Dewasa ini dilaksanakan adalah untuk mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan komuniti setempat yang terdiri daripada golongan B40. Turut hadir dalam majlis ini ialah Encik Ismail bin Mokhtar, Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KPN.











# JOINT STATEMENT OF ASEAN-CHINA STRATEGIC PARTNERSHIP FOR PEACE AND PROSPERITY (2021-2025)

Encik Wan Azuan Shah bin Mohamed, Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Projek Digital (PMO) dan Encik Muhammad Redzuan bin Ramli, Penolong Pengarah, Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan (BRSP) telah mewakili Malaysia/PNM ke *Seminar on Smart Library Construction and Management for ASEAN Countries* bermula pada 28 November sehingga 6 Disember 2023.







Program ini merupakan sebahagian daripada *Joint Statement of ASEAN-China Strategic Partnership for Peace and Prosperity (2021-2025)* yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam bidang kebudayaan dan pelancongan antara ASEAN dan China. Seminar ini dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Republik Rakyat China bagi berkongsian pengalaman China-ASEAN dalam membangun dan menguruskan perpustakaan pintar di China.

Turut menyertai seminar ini adalah peserta dari Vietnam, Laos, Myanmar, Kemboja, Singapura, Indonesia dan Brunei.




KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Tahniah
& Selamat Datang
YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
ATAS PERLANTIKAN SEBAGAI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA
Ikhlas daripada:
Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah &
warga Perpustakaan Negara Malaysia
Kembara PERPADUAN
MALAYSIA MADANI
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnmsaluransosial2
pnm_rasmi



# PROGRAM SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI



Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI merupakan program untuk meraikan satu tahun pemerintahan Kerajaan MADANI. Objektif program ini diadakan adalah untuk menyebar luas dan mempromosikan dasar serta inisiatif baharu kepada rakyat, meningkatkan pemahaman dan kesedaran umum terhadap hala tuju dan matlamat kerajaan serta membina kepercayaan dan keyakinan antara kerajaan dengan rakyat melalui kaedah pelaporan secara berkala.

Program ini turut melibatkan kerjasama strategik pelbagai kementerian dan agensi, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta serta para pemegang taruh.

Penganjuran program ini memberi fokus kepada tiga (3) komponen iaitu Pertunjukan Pencapaian Setahun Kerajaan MADANI, perkhidmatan touchpoint rakyat dan Inisiatif Kesejahteraan Rakyat. Ketiga-tiga komponen ini merupakan ikhtiar Kerajaan dalam memastikan kepentingan rakyat diutamakan selari dengan nilai-nilai teras Malaysia MADANI.



Program ini berlangsung selama tiga (3) hari pada 8 hingga 10 Disember 2023 bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 10.00 malam bertempat di Perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil.

Antara tarikan sepanjang tiga hari program ialah penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada rakyat, sesi libat urus kementerian-kementerian bersama rakyat, Jualan Mega MADANI dan lain-lain lagi. Rakyat juga berpeluang untuk melihat pencapaian kerajaan melalui pameran pencapaian semua kementerian berserta perancangan jangka masa panjang kerajaan.

Majlis perasmian penutupan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 10 Disember 2023 dan turut dihadiri oleh kepimpinan tertinggi Kerajaan Persekutuan.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan antara agensi yang terlibat dalam majlis ini. PNM ditempatkan di reruai bernombor 22. Pelbagai promosi diberikan seperti promosi keahlian PNM dan u-Pustaka, Pameran Mini Manuskrip Melayu, Kiosk Digital PNM, Informasi Perpustakaan Desa dan lain-lain perkhidmatan.











KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
RIANG RIA CUTI SEKOLAH DISEMBER 2023
KEMBALI LAGI !!!
19 DISEMBER 2023 (SELASA)
11.00 PAGI-12.00 TENGAH HARI
Beg Kreatif
20 DISEMBER 2023 (RABU)
11.00 PAGI-12.00 TENGAH HARI
Dekorasi Pinggan Kertas
21 DISEMBER 2023 (KHAMIS)
11.00 PAGI-12.00 TENGAH HARI
Seni 3D
26 DISEMBER 2023 (SELASA)
11.00 PAGI-12.00 TENGAH HARI
Patung Puppet Di Jari
27 DISEMBER 2023 (RABU)
11.00 PAGI-12.00 TENGAH HARI
Pelekat Misteri
28 DISEMBER 2023 (KHAMIS)
11.00 PAGI-12.00 TENGAH HARI
Seni Butang
TERHAD 30 ORANG PESERTA TERAWAL
UNTUK MAKLUMAT LANJUT
SILA HUBUNGI :
PUAN ERLINA : 03-2687 1769
KAUNTER PKK : 1714/1715
LOKASI :
PERPUSTAKAAN KANAK-KANAK(PNM)
MALAYSIA MADANI



# MESYUARAT JAWATANKUASA MEDIA SOSIAL PNM

Mesyuarat Jawatankuasa Media Sosial PNM Bil. 2/2023 telah diadakan bagi membincangkan Hala Tuju Media Sosial PNM 2024 juga menambahbaik pengurusan media sosial PNM pada masa akan datang.






# MESYUARAT PERMUKIMAN PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK PNM (PSPNM) 2024-2028






Pada 11 Disember 2023 telah berlangsung Mesyuarat Permukiman Penyediaan Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia (PSPNM) 2024-2028 di Aras 10, Menara PNM.

Sesi ini telah diketuai oleh YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM mewakili YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM. Sesi ini diadakan bertujuan bagi memuktamadkan draf pelan tindakan PSPNM 2024-2028.

# SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK 2023 ANJURAN HOSPITAL TUNKU AZIZAH

BERTEMAKAN
"HAK KAMI, MASA DEPAN KAMI"




Sambutan Hari Kanak-Kanak 2023 anjuran Hospital Tunku Azizah yang bertemakan "Hak Kami, Masa Depan Kami" pada 19 Disember 2023 (Selasa) telah disambut dengan pelbagai aktiviti didik hibur yang meriah.

PNM turut diundang untuk menjalankan aktiviti didik hibur bagi meraikan kanak-kanak yang hadir semasa program ini berlangsung.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah pendaftaran keahlian PNM dan u-Pustaka, aktiviti mewarna, origami, cari gambar tersembunyi dan banyak lagi.

Semua pengunjung berasa teruja dan seronok menyertai aktiviti yang diadakan oleh PNM.













Membenih dan menyemai budaya perpaduan terletak pada bahu kita semua. Semoga di musim perayaan ini, kita saling bertoleransi dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.

Sekiranya anda merancang perjalanan pulang ke kampung atau mengambil peluang untuk melancong bersama keluarga di dalam/luar negara, sentiasalah patuh SOP yang ditetapkan demi kesejahteraan semua.

Kekal sihat, kekal selamat.


PERKUKUHKAN KAWALAN KESIHATAN KENDIRI
LAKSANA TRIIS
1. TEST/UJI
Segera lakukan ujian saringan COVID-19 secara kendiri sekiranya alami simptom-simptom jangkitan seperti selesema, demam, batuk dan lain-lain.
COVID-19 Antigen Test
2.REPORT/LAPOR
Laporkan keputusan saringan secepat mungkin di aplikasi MySejahtera.
3. ISOLATE/ASINGKAN
Lakukan pengasingan kendiri dengan segera dan berdisiplin sekiranya anda positif COVID-19. Patuhi Pemerintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) serta tatacara isolasi kendiri.
4. INFORM/MAKLUMKAN
Maklumkan kepada kontak rapat anda supaya mereka melakukan pemantauan kendiri untuk gejala.
5. SEEK/DAPATKAN
Dapatkan penilaian kesihatan atau rawatan segera sekiranya gejala bertambah teruk. Golongan berisiko tinggi, walaupun bergejala ringan, juga dinasihatkan ke fasiliti perubatan berhampiran agar dapat dibuat penilaian kesihatan dan kesesuaian pengambilan rawatan antiviral.
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Agenda Nasional Malaysia Sihat
MyHEALTH for life
MyHEALTHKKM
sihatmilikku
SCAN ME

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

**Perpustakaan Negara Malaysia**
232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur
**T.** 603 2687 1700 | **F.** 603 2694 2490

**www.pnm.gov.my**
**www.u-pustaka.gov.my**

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

SEMARAK JAWI

www.pnm.gov.my PerpustakaanNegaraMalaysia PNM_Rasmi pnm_rasmi pnmytube PNMrasmi pnmsaluransosial2 pnm_rasmi